

20 JUL 2001

Mahathir-Ceramah

TERUSKAN CERAMAH MENUNJUKKAN PAS GAGAL HORMATI UNDANG-UNDANG -- PM

TUMPAT, 20 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir berkata langkah Pas yang bertegas untuk meneruskan ceramah dan mengadakan perhimpunan politik di seluruh negara seperti biasa walaupun dilarang polis menunjukkan parti itu tidak menghormati undang-undang.

"Ini menunjukkan mereka (Pas) tak menghormati undang-undang. Kalau orang lain juga tak menghormati undang-undang dan menekan mereka, mungkin mereka juga akan berasa kecewa," katanya pada sidang berita selepas lawatan seharinya ke Kelantan di sini hari ini.

Beliau meminta Pas yang kini menerajui dua negeri -- Kelantan dan Terengganu -- supaya menghormati undang-undang yang ditetapkan pihak berkuasa.

"Jadi kita semua patut hormati undang-undang. Kalau kita tak hormati undang-undang sedangkan kita adalah kerajaan maka orang lain (juga) tak akan hormati undang-undang,

"Kalau tidak ada orang yang menghormati undang-undang, maka kita akan mengalami keadaan anarki iaitu keadaan (negara) tidak berkerajaan. Rakyat akan menghadapi masalah besar kalau kita tak menghormati undang-undang," katanya.

Dr Mahathir berkata demikian bagi mengulas laporan kenyataan beberapa pemimpin Pas ekoran pekeliling Bukit Aman yang mengarahkan Ketua Polis dan semua polis daerah di negara ini supaya tidak mengeluarkan permit terhadap ceramah politik yang boleh menggugat keselamatan.

Selasa lepas, Timbalan Presiden Pas, Abdul Hadi Awang berkata Pas akan meneruskan ceramahnya walaupun pihak berkuasa melarang parti itu daripada menganjurkan ceramah politik.

Larangan polis itu yang turut meliputi parti-parti komponen Barisan Nasional dibuat berkuatkuasa awal bulan ini sebagai langkah menyekat kegiatan yang boleh menggugat keselamatan negara.

Ketika ditanya mengenai pengaruh Black Metal dan penyebaran pita lucah di kalangan remaja dan pelajar sekolah, Perdana Menteri berkata kerajaan sukar menangani dan mengawasi gejala itu sekiranya ia dibuat menerusi internet.

Beliau berkata gejala negatif itu juga didapati berkembang menerusi VCD dan CD yang diedarkan secara meluas di merata-rata tempat di negara ini.

Dr Mahathir berkata bagaimanapun remaja dan pelajar sekolah boleh dibendung daripada terlibat atau berminat dengan semua gejala negatif itu sekiranya ibu bapa memberikan didikan agama dan moral yang kukuh.

"Kalau anak-anak kita ini dididik dengan baik, mereka tidak akan tertarik dengan benda-benda semacam ini. Kalau kita pegang kepada ajaran agama kita akan menolak cara-cara yang tak baik ini," katanya.

Dr Mahathir berkata daripada penelitiannya didapati sebenarnya nilai moral dan pegangan agama mereka yang terlibat di dalam kegiatan itu "agak lemah".

"Ini didapati mereka sampai ke tahap koyak dan pijak Al-Quran, bermakna mereka tidak mendapat ajaran agama," katanya.

"Kita juga hairan kenapa budak-budak dari sekolah agama tidak mendapat ajaran agama yang boleh menjadi benteng kepada mereka daripada gejala-gejala buruk ini," katanya.

-- BERNAMA

RAR NMO